

Kerajaan tidak layan surat guna selain Bahasa Kebangsaan - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

CYBERJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua pihak yang mahu mengutus surat rasmi kepada kerajaan diwajibkan menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Perdana Menteri memberi peringatan itu terutama pihak dalam kalangan syarikat tempatan atau institusi pengajian tinggi untuk mengutamakan perkara itu.

Beliau menegaskan, sesiapa sahaja menulis selain daripada Bahasa Kebangsaan, surat itu akan dipulangkan semula.

Katanya, kadangkala wujud kekeliruan penggunaan bahasa dalam soal hubungan perdagangan antarabangsa yang lebih menggunakan bahasa Inggeris, tetapi sikap masing-masing dilihat terpesong apabila didapati ada beberapa agensi awam dan swasta seringkali cuba meninggalkan asas Perlembagaan dalam menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam perhubungan dengan jabatan kerajaan.

"Saya ingin peringatkan hal

Saya ingin peringatkan hal ini dalam kalangan syarikat tempatan dan universiti tempatan supaya arahnya siapa sahaja menulis selain Bahasa Kebangsaan surat itu akan dipulangkan."

ANWAR IBRAHIM

ini dalam kalangan syarikat tempatan dan universiti tempatan supaya arahnya siapa sahaja menulis selain Bahasa Kebangsaan surat itu akan dipulangkan. Ini tidak akan menjadikan kita sepi.

"Saya tidak meremehkan (bahasa Inggeris) tetapi perlu mengakar di bumi berhubung pemerksaan budaya dari sudut bahasa dan sastera sesuatu yang integral dalam pembinaan bangsa.

"Jangan cuba remehkan, arahan jelas bahawa tidak akan melayani sebarang surat yang disampaikan oleh rakyat, syarikat tempatan dalam bahasa selain Bahasa Kebangsaan," ka-

tanya ketika berucap pada majlis perasmian Karnival Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023 di Universiti Multimedia, di sini semalam.

Anwar turut mengingatkan dalam keghairahan meneroka alam pemikiran baharu, mencebus idea mengikut perkembangan transformasi digital, ia harus dikuasai secara bijaksana dalam mengimbangi penguasaan pelbagai bahasa dan kecanggihan teknologi.

Katanya, anak-anak bangsa harus diingatkan sentiasa mengakar bumi dengan mengutamakan Bahasa Kebangsaan semantara menerobos alam pemikiran baharu.

"Ini peringatan kepada semua pimpinan termasuk universiti bahawa tuntutan zaman adalah untuk sentiasa mencari disiplin baharu, memperkenalkan idea dan penemuan baharu apatah lagi dengan alam digital.

"Jangan keghairahan kita membuat penerokaan baharu dan menggapai langit, kita tinggalkan landasan akar bumi kita dan di antara pertimbangan penting adalah pemerksaan bahasa dan budaya," katanya.

Dalam masa sama, Anwar berkata, tugas pendidik, guru dan pensyarah untuk memberi dorongan supaya anak-anak lebih banyak membaca selain memupuk minat dan kecintaan terhadap ilmu.

Katanya, budaya ini hams dihidupkan kerana hanya dengan membaca, menelaah dan menghadam buku, baru lah dapat menguasai ilmu lebih mendalam dalam semua bidang.

"Kalau tidak, kita jadi intelektual picisan, hanya pencatat dan penukil sahaja, pilih satu atau dua (petikan) dan terus lontar idea itu, kadang-kadang ia mengelirukan baik dari segi isu agama atau budaya," katanya.